

باب إِذَا لَمْ يَكُنِ الْإِسْلَامُ عَلَى الْحَقِيقَةِ وَكَانَ عَلَى الْإِسْتِسْلَامِ أَوْ الْخَوْفِ مِنَ الْقَتْلِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى (قَالَتِ الْأَعْرَابُ آمَنَّا قُلْ لَمْ تَمُوتُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا) فَإِذَا كَانَ عَلَى الْحَقِيقَةِ فَهُوَ عَلَى قَوْلِهِ جَلَّ ذِكْرُهُ (إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ)

Bab 19 : Apabila Islam (seseorang) tidak sebenar dan Islamnya hanya pada ikutan zahir sahaja atau kerana takut dibunuh maka Allah telah pun berfirman, bermaksud: “kata orang-orang `Arab pedalaman, kami telah beriman. Katakanlah (hai Muhammad) kamu belum lagi beriman, katakan (sahaja) kami telah masuk Islam.” Kalau Islam (seseorang) itu sebenar, maka ia sesuai dengan firman Allah yang bermaksud: “sesungguhnya agama yang sebenar disisi Allah ialah Islam.”

٢٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي عَامِرُ بْنُ سَعْدٍ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ عَنْ سَعْدِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ هُوَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَى رَهْطًا وَسَعْدٌ جَالِسٌ فَتَرَكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا هُوَ أَعْجَبُهُمْ إِلَيَّ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا لَكَ عَنْ فُلَانٍ فَوَاللَّهِ إِنِّي لَأَرَاهُ مُؤْمِنًا فَقَالَ أَوْ مُسْلِمًا . فَسَكَتَ قَلِيلًا . ثُمَّ غَلَبَنِي مَا أَعْلَمُ مِنْهُ فَعُدْتُ لِمَقَالَتِي فَقُلْتُ مَا لَكَ عَنْ فُلَانٍ فَوَاللَّهِ إِنِّي لَأَرَاهُ مُؤْمِنًا . فَقَالَ أَوْ مُسْلِمًا ثُمَّ غَلَبَنِي مَا أَعْلَمُ مِنْهُ فَعُدْتُ لِمَقَالَتِي وَعَادَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ يَا سَعْدُ إِنِّي لَأَعْطِي الرَّجُلَ وَغَيْرَهُ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْهُ خَشْيَةً أَنْ يَكْبَهُ اللَّهُ فِي النَّارِ ﴿ وَرَوَاهُ يُونُسُ وَصَالِحٌ وَمَعْمَرٌ وَابْنُ أَخِي الزُّهْرِيِّ عَنِ الزُّهْرِيِّ

26- Abu al-Yamaan telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'aib telah memberitahu kami (diambilnya cerita ini) dari al-Zuhri, beliau berkata, 'Aamir bin Sa'ad bin Abi Waqqash telah memberitahu kepada saya dari Sa'ad r.a, bahawa Rasulullah SAW telah memberikan kepada sekumpulan orang (sesuatu pemberian). Ketika itu Sa'ad sedang duduk (di situ) tetapi Rasulullah SAW tidak memberikan kepada seorang lelaki yang mana dialah yang paling aku senangi di antara mereka. Maka aku bertanya: “Wahai Rasulullah! Mengapa engkau tinggalkan si fulan? Demi Allah aku percaya dia mu'min. Maka Nabi SAW bersabda: “atau muslim” (mengapa kamu tidak katakan muslim saja). Aku diam sejenak, pengetahuanku tentang orang itu menguasaku kembali lalu aku bertanya pula: “Mengapa engkau tinggalkan si fulan? Demi Allah, aku benar-benar percaya dia mu'min.” Maka Nabi SAW bersabda: atau Muslim (mengapa kamu tidak

katakan muslim saja). Aku diam pula sejenak, namun pengetahuanku tentang orang itu menguasaiku lagi lalu aku kembali mengulangi kata-kataku dan Rasulullah SAW (juga) mengulangi kata-katanya. Kemudian Baginda SAW bersabda: "Wahai Sa'ad, sesungguhnya aku memberikan (sesuatu) kepada seseorang padahal ada orang lain yang lebih kusenangi kerana takut Allah akan menghumbannya ke dalam neraka".

Yunus, Shaleh, Ma'mar dan anak saudara al-Zuhri juga telah meriwayatkan hadits ini dari Al-Zuhri.

بَابُ إِفْشَاءِ السَّلَامِ مِنَ الْإِسْلَامِ وَقَالَ عَمَّارٌ ثَلَاثُ مَنْ جَمَعَهُنَّ فَقَدْ جَمَعَ الْإِيمَانَ الْإِنْصَافُ مِنْ نَفْسِكَ وَبَذَلَ السَّلَامَ لِلْعَالَمِ
وَالْإِقْفَاقُ مِنَ الْإِقْتَارِ

Bab 20 : Menyebar-luaskan salam adalah sebahagian daripada (ajaran) Islam.

'Ammar berkata: "Tiga perkara, sesiapa yang dapat mengumpulkan ketiga-tiga perkara itu, bererti dia telah mengumpulkan Iman yaitu (pertama) berlaku `adil terhadap dirimu (sendiri) / menginsafi dirimu (sendiri), (kedua) menyebar-luaskan salam ke seluruh `alam dan (ketiga) berbelanja di jalan Allah meskipun dalam kesempitan.

٢٩ - دَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ﴿ أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ؟ قَالَ تَطْعَمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ ﴾
ucap kary

27- Qutaibah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, al-Laits telah meriwayatkan kepada kami dari Yazid bin Abi Habib dari Abi al-Khair dari 'Abdillah bin 'Amar bahawa ada seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW, katanya: "Apakah ajaran Islam yang paling baik?". Nabi SAW bersabda: "Memberi makanan dan memberi salam samaada kepada orang yang engkau telah kenal atau belum (kepada semua orang)."